



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**8 DISEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 322 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 236,046 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Ranau, Lahad Datu, Sipitang, Kota Marudu dan Penampang. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 321 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 226,330 orang. Manakala 1,195 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 580 orang di hospital, 605 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 53 orang merangkumi 51 di ICU/repurposed kritikal care serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 18 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 42 (27.63%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tongod berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga dua (2) daerah.
- Zon Merah 21 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Sabah meneruskan trend peningkatan kes harian dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 15 kes hari ini berbanding jumlah semalam. Jumlah kes baharu ialah 322 kes.
- b. Daerah-daerah dalam kumpulan "Empat Serangkai" kembali mengungguli senarai daerah kes tertinggi. Tuaran mencatatkan kes tertinggi hari ini dengan 55 kes, Kota Kinabalu 53 kes, Ranau 34 kes dan Kota Belud 25 kes. Sebanyak 16 daerah merekodkan kes pada satu (1) angka sahaja dan enam (6) daripadanya merekodkan sifar (0) kes.
- c. Secara perbandingan dua (2) daerah mencatatkan peningkatan jumlah kes yang agak tinggi iaitu Tuaran dengan +21 kes dan Ranau sebanyak +14 kes. Dua (2) daerah mencatatkan penurunan agak besar iaitu Penampang dengan -17 kes dan Papar sebanyak -15 kes.
- d. Satu (1) kluster baharu di Bakut, Tuaran diistiharkan hari ini yang melibatkan sebuah institusi pendidikan (institut perguruan). Kes indeks ialah seorang pelajar wanita yang didapati positif COVID-19. Saringan kesihatan di kalangan kontak rapat mendapati 26 orang lagi pelajar yang tinggal di asrama bersama indeks kes telah dijangkiti. Kesemua yang dijangkiti telah diasingkan dan diberikan rawatan yang sesuai.
- e. Seramai 312 pesakit atau hampir 97% adalah pesakit dalam Kategori 1 dan Kategori 2, dua (2) pesakit dalam Kategori 3, dua (2) pesakit dalam Kategori 4 dan dua (2) pesakit dalam Kategori 5. Empat (4) pesakit lagi masih dalam penilaian JKNS
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (136) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	5	1.55%
2	Bergejala	153	47.52%
3	Kontak	136	42.24%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	28	8.69%
<b>JUMLAH</b>		<b>322</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (7 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 07/12/2021	Catatan Kes 08/12/2021	Perbandingan
1	Tuaran	34	55	+21
2	Ranau	20	34	+14
3	Kota Belud	17	25	+8
4	Keningau	16	23	+7
5	Kota Kinabalu	47	53	+6
6	Sandakan	6	11	+5
7	Beaufort	17	21	+4
8	Putatan	11	15	+4
9	Sipitang	4	6	+2
10	Semporna	0	1	+1
11	Kota Marudu	11	11	Mendatar
12	Kudat	6	6	Mendatar
13	Nabawan	0	0	Mendatar
14	Kunak	0	0	Mendatar
15	Kalabakan	0	0	Mendatar
16	Kinabatangan	0	0	Mendatar
17	Penampang	37	20	-17
18	Papar	26	11	-15
19	Pitas	10	5	-5
20	Tenom	12	8	-4
21	Kuala Penyu	11	7	-4
22	Tongod	4	0	-4
23	Telupid	3	0	-3
24	Lahad Datu	4	2	-2
25	Tawau	4	3	-1
26	Beluran	3	2	-1
27	Tambunan	4	3	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>307</b>	<b>322</b>	<b>+15</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (24 November – 07 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Tuaran	3	40	10	0	2	55	669
Kota Kinabalu	0	26	23	0	4	53	860
Ranau	0	8	22	0	4	34	332
Kota Belud	0	8	13	0	4	25	412
Keningau	0	11	12	0	0	23	236
Beaufort	0	2	18	0	1	21	273
Penampang	0	12	6	0	2	20	420
Putatan	0	3	12	0	0	15	224
Papar	0	6	5	0	0	11	325
Kota Marudu	0	3	6	0	2	11	232
Sandakan	2	1	6	0	2	11	106
Tenom	0	3	5	0	0	8	160
Kuala Penyu	0	5	2	0	0	7	168
Kudat	0	1	2	0	3	6	131
Sipitang	0	4	2	0	0	6	104
Pitas	0	0	4	0	1	5	73
Tambunan	0	3	0	0	0	3	76
Tawau	0	0	2	0	1	3	81
Lahad Datu	0	0	0	0	2	2	63
Beluran	0	0	2	0	0	2	80
Semporna	0	0	1	0	0	1	8
Tongod	0	0	0	0	0	0	34
Telupid	0	0	0	0	0	0	32
Kunak	0	0	0	0	0	0	2
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	160
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	8
Nabawan	0	0	0	0	0	0	7
<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>	<b>136</b>	<b>153</b>	<b>0</b>	<b>28</b>	<b>322</b>	<b>5,276</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tuaran	Kluster Jalan Tuaran Bakut	3
Sandakan	Kluster Sungai Batang	2
<b>Jumlah</b>		<b>5</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Jalan Tuaran Bakut - Tuaran** merupakan kluster jenis institusi pendidikan. Kluster ini melibatkan asrama pelajar siswi Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Kent Baru Tuaran. Kes indeks ialah pelajar wanita, warga tempatan, 20, yang dikesan positif COVID-19 melalui ujian PCR pada 27 November 2021 dalam saringan bergejala. Saringan kontak rapat dan saringan bergejala ke atas 134 orang mendapati 26 kes positif, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 27 kes. Punca jangkitan masih dalam siasatan, walau bagaimanapun perebakan jangkitan disyaki berpunca daripada aktiviti pergaulan pelajar di asrama. Semua pesakit telah diasingkan dan diberikan rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 4,667 unit

- Hospital 1,326 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,851 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 25.61%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 08 DISEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	320
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	2
<b>Jumlah</b>	<b>322</b>

### ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	311
Bukan Malaysia	11
<b>Jumlah</b>	<b>322</b>

### iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	59
Belum Menerima Vaksin	38
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	224
<b>Jumlah</b>	<b>322</b>

### iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	2
1 to 5	25
6 to 11	32
12 to 17	13
18 to 25	42
26 to 59	166
>60	42
<b>Jumlah</b>	<b>322</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 07 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 5,305 orang. Daripada jumlah ini, seramai 5,010 orang adalah penduduk dewasa dan 295 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 06 Disember 2021 adalah seramai 2,443,030 orang. Ini meliputi 2,108,253 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.43% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,395,053 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,086,133 orang atau 75.63% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 334,777 orang atau 77.14% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 308,920 atau 71.18% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,681** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 9,893 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 43 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 117 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiga (3) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 (JPDS).
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,025 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada notis/amaran dan kompaun dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 221 premis perniagaan dan 274 individu di 18 kawasan. Tiga (3) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Tamagold Sdn. Bhd., 88 Marketplace (2 Orang) dan Kepayan 88 (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 354 Premis Perniagaan melibatkan 209 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 72 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 212 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Ranau	98.8%
2	Lahad Datu	98.8%
3	Kota Kinabalu	98.8%
4	Penampang	98.8%
5	Kudat	98.7%
6	Beluran	98.7%
7	Kota Belud	98.7%
8	Sandakan	98.7%
9	Tawau	98.7%
10	Keningau	98.7%
11	Kota Marudu	98.7%
12	Beaufort	98.7%
13	Kunak	98.7%
14	Kinabatangan	98.6%
15	Semporna	98.6%
16	Papar	98.7%
17	Sipitang	98.6%
18	Tuaran	98.6%
19	Tenom	98.6%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**